


<https://news.usm.my>

Berita Mutakhir

17  
JUN

## KOPERASI WARGA USM KELANTAN BUKA KEDAI FARMASI

majlis persmian farmasi

KUBANG KERIAN, 17 Jun 2015 - Koperasi Warga Universiti Sains Malaysia (KWUSM) telah membuka satu lagi anak syarikat yang dikenali sebagai Kedai Farmasi Lestari Sdn. Bhd. yang dirasmikan oleh Timbalan Pengarah Kanan Farmasi Hospital Universiti Sains Malaysia (USM) Haji Zainol Abidin Hamid di sini.

Menurut Zainol Abidin, kedai Farmasi Lestari ini akan turut menguruskan pembelian alatan bantuan perubatan dan ubatan *non-standard* dengan kos yang sangat berpatutan berbanding farmasi luar bagi pesakit yang kurang berkemampuan.

Menurutnya lagi, koperasi ini juga bertujuan untuk meningkatkan kepentingan ekonomi para anggotanya dengan menyediakan kemudahan dan perkhidmatan yang diperlukan mereka dan sebagai anak syarikat KWUSM, aspek kebajikan sosial sentiasa dijaga termasuk mengagihkan zakat kepada pesakit yang memerlukan bantuan termasuk kepada staf yang memenuhi kriteria asnaf.

majlis persmian farmasi1

"Dalam tahun 2014 sahaja, sebanyak RM24,000.00 telah dibelanjakan bagi tujuan ini yang berjaya menarik minat staf USM di Kampus Kesihatan yang kini 62% dari mereka telah menganggotainya," katanya lagi.

Hadir sama pada majlis tersebut ialah Pengerusi KWUSM, Profesor Madya Dr. Hj. Mohamed Saat Bin Ismail dan Pengerusi Koperasi Farmasi Hospital Universiti Sains Malaysia (HUSM) Abdul Hakim Bin Hj Abdullah. - Teks: Mohd Ridzuwan Ramly

G+1

Share This

**Pusat Media dan Perhubungan Awam / Media and Public Relations Centre**

Level 1, Building E42, Chancellory II, Universiti Sains Malaysia, 11800 USM, Pulau Pinang Malaysia

Tel : +604-653 3888 | Fax : +604-658 9666 | Email : [pro@usm.my](mailto:pro@usm.my) (<mailto:pro@usm.my>)

Laman Web Rasmi / Official Website : [Universiti Sains Malaysia \(http://www.usm.my\)](http://www.usm.my)

[Client Feedback / Comments \(http://web.usm.my/smbp/maklumbalas.asp\)](http://web.usm.my/smbp/maklumbalas.asp) | USM News Portal. Hakcipta Terpelihara USM 2015